



28 Ogos 2015
28 August 2015
P.U. (A) 195

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(AKTIVITI YANG DITETAPKAN)
(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015

*ENVIRONMENTAL QUALITY
(PRESCRIBED ACTIVITIES)
(ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT)
ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN)
(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 34A(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“kawasan sensitif alam sekitar” ertinya—

(a) mana-mana kawasan yang ditetapkan sedemikian dalam rancangan pemajuan atau rancangan fizikal negara di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]; atau

(b) mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan perlindungan alam sekitar atau kawasan pemuliharaan alam sekitar di bawah mana-mana Enakmen di Negeri Sabah atau mana-mana Ordinan di Negeri Sarawak;

“laporan” ertinya laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling.

Aktiviti yang ditetapkan

3. (1) Aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua ialah aktiviti yang ditetapkan.

(2) Aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak memerlukan pameran awam dan ulasan awam melainkan jika diarahkan selainnya, secara bertulis, oleh Ketua Pengarah.

(3) Aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua memerlukan pameran awam dan ulasan awam.

(4) Walau apa pun subperenggan (1), aktiviti yang berikut juga ialah aktiviti yang ditetapkan:

(a) apa-apa aktiviti yang ditetapkan yang dibahagikan kepada saiz atau kuantum yang lebih kecil daripada saiz atau kuantum yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua; atau

(b) apa-apa aktiviti yang melibatkan pertambahan saiz atau kuantum yang menyebabkan aktiviti itu dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan.

(5) Pameran awam dan ulasan awam yang disebut dalam subperenggan (2) dan (3) ialah suatu pameran laporan, di tempat dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, bagi mendapatkan ulasan awam berhubung dengan laporan itu.

Pemakaian bagi Negeri Sarawak dan Sabah

4. (1) Perintah ini terpakai bagi Negeri Sarawak berkenaan dengan aktiviti yang ditetapkan yang dinyatakan dalam butiran yang berikut:

(a) butiran 2, 6, 9 dan 10 dan subbutiran 11(a) dan (b) dan 14(a) Jadual Pertama; dan

(b) butiran 2, 6, 9, 10, 11, 16 dan 17 dan subbutiran 14(a) Jadual Kedua.

(2) Perintah ini terpakai bagi Negeri Sabah berkenaan dengan aktiviti yang ditetapkan yang dinyatakan dalam butiran yang berikut:

- (a) butiran 2, 6, 9, dan 14 dan subbutiran 11(a) dan (b) Jadual Pertama; dan
- (b) butiran 2, 6, 9, 11, 14 dan 17 Jadual Kedua.

Pembatalan, kecualian dan peralihan

5. (1) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 1987 [*P.U. (A) 362/1987*], yang kemudian ini disebut “Perintah yang dibatalkan” dalam perenggan ini, dibatalkan.

(2) Perintah ini tidak menjejaskan mana-mana aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah yang dibatalkan jika laporan telah diluluskan oleh Ketua Pengarah sebelum berkuat kuasanya Perintah ini.

(3) Laporan berkenaan dengan mana-mana aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah yang dibatalkan yang telah diterima oleh Ketua Pengarah sebelum mula berkuat kuasanya Perintah ini hendaklah diuruskan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(4) Jika Ketua Pengarah tidak meluluskan laporan di bawah subperenggan (3) dan orang yang mengemukakan laporan itu mengemukakan semula laporan itu untuk kelulusan selepas berkuat kuasanya Perintah ini, laporan itu hendaklah diuruskan mengikut Perintah ini.

JADUAL PERTAMA [Subperenggan 3(1) dan (4)]

1. PERTANIAN:

- (a) Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.

(b) Pembangunan estet pertanian yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih yang melibatkan perubahan dalam jenis kegunaan pertanian.

2. AERODROM:

Peluasan aerodrom yang melibatkan landasan terbang sepanjang 1,000 meter atau lebih.

3. SALIRAN DAN PENGAIRAN:

(a) Pembinaan tasik buatan manusia dan pembesaran tasik bukan semula jadi dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.

(b) Skim pengairan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.

4. PERIKANAN:

Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah beserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

5. PERHUTANAN:

(a) Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 100 hektar.

(b) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu bagi maksud pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.

(c) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu daripada hutan pada ketinggian kurang daripada 300 meter di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih, di luar hutan simpan kekal.

(d) Pengubahan kawasan—

(i) hutan paya bakau;

(ii) hutan paya gambut; atau

(iii) hutan paya air tawar,

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

(e) Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.

6. INDUSTRI:

(a) Kimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran sebanyak 100 tan atau lebih sehari.

(b) Simen:

Loji pengisaran simen dengan keupayaan pengeluaran simen sebanyak 200 tan atau lebih sehari.

(c) Kapur:

Pengeluaran kapur 100 tan atau lebih sehari menggunakan relau putar atau 50 tan atau lebih sehari dengan menggunakan relau tegak.

(d) Petrokimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran kurang daripada 50 tan sehari.

(e) Limbungan kapal:

Tanan berat muatan 5,000 tan atau lebih.

7. PENEBUSGUNAAN TANAH:

Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai yang melibatkan kawasan kurang daripada 50 hektar.

8. PERLOMBONGAN:

- (a) Pemprosesan bijih di luar kawasan tenemen mineral, termasuk pemekatan aluminium, kuprum, emas, besi, tantalum atau elemen nadir bumi.
- (b) Perlombongan pasir di darat atau sungai atau di kawasan pantai atau di laut wilayah yang tidak melebihi 3 batu nautika yang diukur dari garis air surut, meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.
- (c) Perlombongan pasir di kawasan pelantar benua.

9. PETROLEUM:

- (a) Pembangunan—
 - (i) medan minyak;
 - (ii) medan gas; atau
 - (iii) medan minyak dan gas.
- (b) Pembinaan sepanjang 30 kilometer atau lebih—
 - (i) talian paip luar pantai;
 - (ii) talian paip daratan; atau
 - (iii) talian paip luar pantai dan talian paip daratan.
- (c) Pembinaan—
 - (i) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak;
 - (ii) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran gas; atau
 - (iii) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan gas.
- (d) Pembinaan depoh keluaran bagi penstoran petrol, gas atau diesel yang mempunyai keupayaan penstoran tergabung sebanyak 60,000 tong atau lebih

(tidak termasuk stesen servis) dalam jarak 3 kilometer dari kawasan perdagangan, perindustrian atau kediaman.

10. PELABUHAN:

- (a) Peluasan pelabuhan yang melibatkan penambahan sebanyak 50 peratus atau lebih dalam keupayaan pengendalian setahun.
- (b) Peluasan pelabuhan perikanan yang melibatkan penambahan sebanyak 50 peratus atau lebih dalam keupayaan pendaratan ikan setahun.

11. PENJANAAN DAN PEMANCARAN KUASA:

- (a) Pembinaan stesen janakuasa stim yang menggunakan bahan api fosil (selain arang batu) dan mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih, dengan atau tanpa talian pemancar.
- (b) Pembinaan stesen janakuasa kitar padu, dengan atau tanpa talian pemancar.
- (c) Pembinaan talian pemancar di kawasan sensitif alam sekitar.

12. PEMBANGUNAN DI KAWASAN PANTAI DAN BUKIT:

- (a) Pembinaan bangunan atau kemudahan yang mempunyai 80 bilik atau lebih di kawasan pantai.
- (b) Pembinaan resort atau hotel peranginan bukit pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

13. PEMBANGUNAN DI KAWASAN CERUN:

Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25⁰ tetapi kurang daripada 35⁰.

14. PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN:

- (a) Buangan terjadual:
 - (i) Pembinaan loji pulih guna (luar tapak).
 - (ii) Pembinaan loji pengolahan air buangan (luar tapak).

(iii) Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak).

(b) Sisa pepejal:

(i) Pembinaan loji pengkomposan.

(ii) Pembinaan loji pulih guna atau loji kitar semula.

(c) Kumbahan:

(i) Pembinaan loji pengolahan kumbahan dengan 20,000 kesetaraan populasi atau lebih.

(ii) Kemudahan rawatan enap cemar.

15. PENGOREKAN:

(a) Pengorekan induk.

(b) Pelupusan bahan buangan yang dikorek.

16. PERUMAHAN:

Pembangunan perumahan yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

17. PEMBANGUNAN ESTET INDUSTRI:

Pembangunan estet perindustrian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

18. BANDAR BAHARU:

Pembinaan bandar baharu yang terdiri daripada 2,000 unit kediaman atau lebih yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.

19. KUARI:

Pengkuarian bahan batuan.

20. JALAN:

- (a) Pembinaan lebuh raya ekspres.
- (b) Pembinaan lebuh raya.
- (c) Pembinaan jalan, terowong atau jambatan yang melintasi atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

21. BEKALAN AIR:

Pemajuan air bawah tanah bagi bekalan air perindustrian, pertanian atau kawasan bandar sebanyak 4,500 meter padu atau lebih sehari.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 3(1) dan (4)]

1. PERTANIAN:

- (a) Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
- (b) Kawasan baru penternakan babi yang mempunyai sebanyak 2,000 populasi babi dirian atau lebih.

2. AERODROM:

- (a) Pembinaan aerodrom baharu yang melibatkan landasan terbang sepanjang 1,000 meter atau lebih.
- (b) Pembinaan aerodrom di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara, taman laut negara, pulau sekeliling taman laut atau kawasan sensitif alam sekitar.

3. SALIRAN DAN PENGAIRAN:

- (a) Pembinaan tasik buatan manusia dan pembesaran tasik bukan semula jadi dengan kawasan permukaan seluas 50 hektar atau lebih di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

(b) Mana-mana saluran kawasan tanah bencah, habitat hidupan liar atau hutan darat yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

4. PERIKANAN:

Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah beserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

5. PERHUTANAN:

(a) Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.

(b) Pembalakan atau pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain di dalam—

(i) kawasan tadahan di kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjanaan kuasa hidro;

(ii) kawasan yang bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara;

(iii) mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara; atau

(iv) kawasan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*].

(c) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu dari hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih, di luar kawasan hutan simpan kekal.

(d) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu yang meliputi kawasan 500 hektar atau lebih.

(e) Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.

(f) Pengubahan kawasan—

(i) hutan paya bakau;

(ii) hutan paya gambut; atau

(iii) hutan paya air tawar,

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

(g) Pembersihan kawasan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar di pulau yang bersebelahan dengan mana-mana taman laut negara.

6. INDUSTRI:

(a) Bukan besi:

(i) Peleburan utama aluminium (semua saiz).

(ii) Peleburan utama kuprum (semua saiz).

(iii) Peleburan utama bukan besi yang lain (mengeluarkan 50 tan keluaran atau lebih sehari).

(b) Simen:

Dengan keupayaan pengeluaran klinker sebanyak 30 tan atau lebih sejam.

(c) Besi dan keluli:

(i) Menggunakan bijih besi sebagai bahan mentah bagi pengeluaran 100 tan atau lebih sehari.

(ii) Menggunakan besi sekerap sebagai bahan mentah bagi pengeluaran 200 tan atau lebih sehari.

(d) Petrokimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran sebanyak 50 tan atau lebih sehari.

(e) Pulpa, atau pulpa dan kertas:

Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari.

(f) Industri kitar semula kertas:

Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari.

7. PENEBUSGUNAAN TANAH:

(a) Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

(b) Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

(c) Penebusgunaan bagi pulau buatan manusia.

8. PERLOMBONGAN:

(a) Perlombongan bahan galian dalam kawasan baharu yang melibatkan operasi berskala besar.

(b) Perlombongan bahan galian di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

9. PETROLEUM:

(a) Pembinaan loji penapisan minyak.

(b) Pembinaan loji penapisan gas.

(c) Pembinaan loji penapisan minyak dan gas.

10. PELABUHAN:

(a) Pembinaan pelabuhan baharu.

(b) Pembinaan pelabuhan perikanan baharu.

11. PENJANAAN DAN PEMANCARAN KUASA:

(a) Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api arang batu yang mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih dengan atau tanpa talian pemancar.

- (b) Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api nuklear dengan atau tanpa talian pemancar.

12. PEMBANGUNAN DI KAWASAN PANTAI, TAMAN NEGARA DAN TAMAN NEGERI:

Pembangunan kemudahan pelancongan, kemudahan rekreasi atau kemudahan lain—

- (a) di dalam mana-mana taman negara atau taman negeri; atau
- (b) di mana-mana pulau dalam perairan sekeliling yang telah diwartakan sebagai taman laut atau rizab laut di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317].

13. PEMBANGUNAN DI KAWASAN CERUN:

- (a) Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi 50 peratus atau lebih kawasan cerun yang berkecerunan lebih daripada atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35° .
- (b) Pembinaan jalan, terowong atau jambatan yang melintasi kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 35° .

14. PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN:

- (a) Buangan terjadual:
 - (i) Pembinaan loji rawatan terma.
 - (ii) Pembinaan loji pulih guna luar tapak bagi buangan bateri asid plumbum.
 - (iii) Pembinaan loji pulih guna luar tapak atau kemudahan rawatan yang mengeluarkan jumlah air buangan yang ketara yang terletak di hulu pengambilan bekalan air awam.
 - (iv) Pembinaan kemudahan tapak penimbunan tanah selamat.
- (b) Sisa pepejal:
 - (i) Pembinaan loji rawatan terma.
 - (ii) Pembinaan kemudahan tapak penimbunan sanitari.

(iii) Pembinaan stesen pemindahan.

15. PEMBINAAN EMPANGAN:

(a) Pembinaan empangan atau kolam takungan air bagi maksud pengairan, tebatan banjir, kawalan pengelodakan, rekreasi, bekalan air atau apa-apa sebab lain dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.

(b) Empangan dan skim kuasa hidroelektrik dengan salah satu atau kedua-dua yang berikut:

(i) empangan yang ketinggiannya 15 meter atau lebih dan struktur sampingan yang meliputi kawasan seluas 40 hektar atau lebih;

(ii) kolam takungan air dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.

16. PENGANGKUTAN:

(a) Pembinaan laluan atau landasan cabang baharu bagi projek pengangkutan laju massa.

(b) Pembinaan landasan laluan atau landasan cabang baharu kereta api.

17. BAHAN RADIOAKTIF DAN BUANGAN RADIOAKTIF:

Mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual ini dan Jadual Pertama yang menggunakan bahan radioaktif dan menghasilkan buangan radioaktif.

Dibuat 5 Ogos 2015

[as(s)91/110/919/014 S.K 02 Jld 2; PN(PU2)280/XVI]

DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

ENVIRONMENTAL QUALITY ACT 1974

ENVIRONMENTAL QUALITY (PRESCRIBED ACTIVITIES)
(ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by subsection 34A(1) of the Environmental Quality Act 1974 [Act 127], the Minister, after consultation with the Council, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 2015**.

Interpretation

2. In this Order—

“environmentally sensitive area” means—

(a) any area specified as such in the development plan or national physical plan under the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172]; or

(b) any area specified as environmental protection area or environmental conservation area under any Enactment in the State of Sabah or any Ordinance in the State of Sarawak;

“report” means a report of an environmental impact assessment.

Prescribed activities

3. (1) The activities specified in the First Schedule and the Second Schedule are prescribed activities.

(2) The activities specified in the First Schedule do not require public display and public comment unless otherwise instructed, in writing, by the Director General.

(3) The activities specified in the Second Schedule require public display and public comment.

(4) Notwithstanding subparagraph (1), the following activities are also prescribed activities:

- (a) any prescribed activity which has been divided into a size or quantum smaller than the size or quantum specified in the First Schedule and the Second Schedule; or
- (b) any activity involving the increase in size or quantum resulting such activity to be categorized as prescribed activities.

(5) Public display and public comment referred to in subparagraphs (2) and (3) are a display of a report, at a place and within the time determined by the Director General, to obtain public comment in relation to that report.

Application to the State of Sarawak and Sabah

4. (1) This Order shall apply to the State of Sarawak in respect of the prescribed activities specified in the following items:

- (a) items 2, 6, 9 and 10 and subitems 11(a) and (b) and 14(a) of the First Schedule; and
- (b) items 2, 6, 9, 10, 11, 16 and 17 and subitem 14(a) of the Second Schedule.

(2) This Order shall apply to the State of Sabah in respect of the prescribed activities specified in the following items:

- (a) items 2, 6, 9 and 14 and subitems 11(a) and (b) of the First Schedule; and

(b) items 2, 6, 9, 11, 14 and 17 of the Second Schedule.

Revocation, saving and transitional

5. (1) The Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 1987 [*P.U. (A) 362/1987*], hereinafter referred to as “the revoked Order” in this paragraph, is revoked.

(2) This Order shall not affect any prescribed activity under the revoked Order where a report has been approved by the Director General before the coming into operation of this Order.

(3) A report in respect of any prescribed activity under the revoked Order which has been received by the Director General before the coming into operation of this Order shall be dealt with as if this Order has not been made.

(4) If the Director General does not approve the report under subparagraph (3) and the person who submitted the report re-submits it for approval after the coming into operation of this Order, the report shall be dealt with in accordance with this Order.

FIRST SCHEDULE

[Subparagraphs 3(1) and (4)]

1. AGRICULTURE:

(a) Land development schemes covering an area of 20 hectares or more but less than 500 hectares to bring forest into agricultural production.

(b) Development of agricultural estates covering an area of 500 hectares or more involving changes in types of agricultural use.

2. AERODROME:

Expansion of an aerodrome involving a runway of 1,000 metres or longer.

3. DRAINAGE AND IRRIGATION:

- (a) Construction of man-made lakes and enlargement of artificial lakes with surface areas of 100 hectares or more.
- (b) Irrigation schemes covering an area of 500 hectares or more.

4. FISHERIES:

Land based aquaculture projects accompanied by clearing of mangrove forest, peat swamp forest or fresh water swamp forest covering an area of 20 hectares or more but less than 50 hectares.

5. FORESTRY:

- (a) Conversion of forest at 300 meters or more above mean sea level to other land use covering an area of 20 hectares or more but less than 100 hectares.
- (b) Logging, or cutting or taking of timber for the purpose of conversion from forest to other land use covering an area of 100 hectares or more but less than 500 hectares.
- (c) Logging, or cutting or taking of timber from forest at less than 300 meters above mean sea level covering an area of 100 hectares or more, outside permanent reserved forest.
- (d) Conversion of an area of—
 - (i) mangrove forest;
 - (ii) peat swamp forest; or
 - (iii) fresh water swamp forest,for industrial, housing or agricultural use covering an area of 20 hectares or more but less than 50 hectares.
- (e) Development of planted forest covering an area of 100 hectares or more but less than 500 hectares.

6. INDUSTRY:

(a) Chemical:

Production capacity of each product or combined products of 100 tonnes or more per day.

(b) Cement:

Cement grinding plant with cement production capacity of 200 tonnes or more per day.

(c) Lime:

Production of 100 tonnes or more per day of burnt lime using rotary kiln or 50 tonnes or more per day of burnt lime using vertical kiln.

(d) Petrochemicals:

Production capacity of each product or combined product of less than 50 tonnes per day.

(e) Shipyards:

Dead weight tonnage of 5,000 tonnes or more.

7. LAND RECLAMATION:

Coastal reclamation or land reclamation along river banks involving an area of less than 50 hectares.

8. MINING:

(a) Ore processing outside mineral tenement area, including concentrating of aluminium, copper, gold, iron, tantalum or rare earth element.

(b) Sand mining on land or river or in coastal area or in territorial waters not exceeding 3 nautical miles measured from the low-water line, involving an area of 20 hectares or more.

(c) Sand mining in continental shelf area.

9. PETROLEUM:

- (a)* Development of—
 - (i) oil field;
 - (ii) gas field; or
 - (iii) oil and gas field.

- (b)* Construction of 30 kilometres or more in length of—
 - (i) off-shore pipelines;
 - (ii) on-shore pipelines; or
 - (iii) off-shore pipelines and on-shore pipelines.

- (c)* Construction of—
 - (i) oil separation, processing, handling and storage facilities;
 - (ii) gas separation, processing, handling and storage facilities; or
 - (iii) oil and gas separation, processing, handling and storage facilities.

- (d)* Construction of product depot for the storage of petrol, gas or diesel which has the combined storage capacity of 60,000 barrels or more (excluding service station) within 3 kilometres from any commercial, industrial or residential area.

10. PORTS:

- (a)* Expansion of port involving an increase of 50 percent or more in handling capacity per annum.

- (b)* Expansion of fishing port involving an increase of 50 percent or more in fish landing capacity per annum.

11. POWER GENERATION AND TRANSMISSION:

- (a) Construction of steam generated power station using fossil fuels (other than coal) and having the capacity of 10 megawatts or more, with or without transmission line.
- (b) Construction of combined cycle power station, with or without transmission line.
- (c) Construction of transmission line in environmentally sensitive area.

12. DEVELOPMENT IN COASTAL AND HILL AREA:

- (a) Construction of building or facilities with 80 rooms or more in coastal area.
- (b) Construction of hill-station resort or hotel at 300 meters or more above mean sea level covering an area of 20 hectares or more.

13. DEVELOPMENT IN SLOPE AREA:

Development or land clearing less than 50 per cent of an area with slope greater than or equal to 25⁰ but less than 35⁰.

14. WASTE TREATMENT AND DISPOSAL:

- (a) Scheduled waste:
 - (i) Construction of recovery plant (off-site).
 - (ii) Construction of wastewater treatment plant (off-site).
 - (iii) Construction of storage facility (off-site).
- (b) Solid waste:
 - (i) Construction of composting plant.
 - (ii) Construction of recovery plant or recycling plant.

(c) Sewage:

- (i) Construction of sewage treatment plant with 20,000 population equivalent or more.
- (ii) Sludge treatment facilities.

15. DREDGING:

- (a) Capital dredging.
- (b) Disposal of waste dredged materials.

16. HOUSING:

Housing development covering an area of 50 hectares or more.

17. INDUSTRIAL ESTATE DEVELOPMENT:

Development of industrial estate covering an area of 20 hectares or more.

18. NEW TOWNSHIP:

Construction of new township consisting of 2,000 housing accommodation units or more or covering an area of 100 hectares or more.

19. QUARRY:

Quarrying of rock material.

20. ROAD:

- (a) Construction of expressways.
- (b) Construction of highways.
- (c) Construction of road, tunnel or bridge traversing or adjacent or near to environmentally sensitive areas.

21. WATER SUPPLY:

Groundwater development for industrial, agricultural or urban water supply of 4,500 cubic metres or more per day.

SECOND SCHEDULE
[Subparagraphs 3(1) and (4)]

1. AGRICULTURE:

(a) Land development schemes covering an area of 500 hectares or more to bring forest into agricultural production.

(b) New pig farming area of 2,000 or more standing pig population.

2. AERODROME:

(a) Construction of a new aerodrome involving a runway of 1,000 metres or longer.

(b) Construction of aerodrome in or adjacent or near to any state park, national park, national marine park, island surrounding marine park or environmentally sensitive area.

3. DRAINAGE AND IRRIGATION:

(a) Construction of man-made lakes and artificial enlargement of lakes with surface areas of 50 hectares or more in or adjacent or near to environmentally sensitive area.

(b) Any drainage of wetland, wild-life habitat or of dry inland forest covering an area of 20 hectares or more.

4. FISHERIES:

Land based aquaculture projects accompanied by clearing of mangrove forest, peat swamp forest or fresh water swamp forest covering an area of 50 hectares or more.

5. FORESTRY:

(a) Conversion of forest at 300 meters or more above mean sea level to other land use covering an area of 100 hectares or more.

- (b) Logging or conversion of forest to other land use within—
- (i) a catchment area of reservoirs used for municipal water supply, irrigation or hydro-power;
 - (ii) an area adjacent or near to any state park, national park or national marine park;
 - (iii) any state park, national park or national marine park; or
 - (iv) an area gazetted as water catchment forest under the National Forestry Act 1984 [Act 313].
- (c) Logging, or cutting or taking of timber from forest at 300 meters or more above mean sea level covering an area of 100 hectares or more, outside permanent reserved forest.
- (d) Logging, or cutting or taking of timber covering an area of 500 hectares or more.
- (e) Development of planted forest covering an area of 500 hectares or more.
- (f) Conversion of an area of—
- (i) mangrove forest;
 - (ii) peat swamp forest; or
 - (iii) fresh water swamp forest,
- for industrial, housing or agricultural use covering an area of 50 hectares or more.
- (g) Clearing of mangrove forest, peat swamp forest or fresh water swamp forest on islands adjacent to any national marine park.

6. INDUSTRY:

- (a) Non-ferrous:
- (i) Primary smelting aluminium (all sizes).
 - (ii) Primary smelting copper (all sizes).

(iii) Primary smelting other non-ferrous (producing 50 tonnes product or more per day).

(b) Cement:

With clinker production capacity of 30 tonnes or more per hour.

(c) Iron and steel:

(i) Using iron ore as raw materials for production of 100 tonnes or more per day.

(ii) Using scrap iron as raw materials for production of 200 tonnes or more per day.

(d) Petrochemicals:

Production capacity of each product or combined product of 50 tonnes or more per day.

(e) Pulp, or pulp and paper:

Production capacity of 50 tonnes or more per day.

(f) Recycle paper industry:

Production capacity of 50 tonnes or more per day.

7. LAND RECLAMATION:

(a) Coastal reclamation or land reclamation along river banks involving an area of 50 hectares or more.

(b) Coastal reclamation or land reclamation along river banks within or adjacent or near to environmentally sensitive areas.

(c) Reclamation for man-made island.

8. MINING:

(a) Mining of minerals in new areas involving large scale operation.

(b) Mining of minerals within or adjacent or near to environmentally sensitive area.

9. PETROLEUM:

(a) Construction of oil refineries.

(b) Construction of gas refineries.

(c) Construction of oil and gas refineries.

10. PORTS:

(a) Construction of a new port.

(b) Construction of a new fishing port.

11. POWER GENERATION AND TRANSMISSION:

(a) Construction of coal fired power station and having the capacity of 10 megawatts or more with or without transmission line.

(b) Construction of nuclear-fuel power station with or without transmission line.

12. DEVELOPMENT IN COASTAL AREA, NATIONAL PARK AND STATE PARK:

Development of tourist facilities, recreational facilities or other facilities—

(a) in any national park or state park; or

(b) on any island in surrounding waters which has been gazetted as a national marine park or marine reserve under the Fisheries Act 1985 [Act 317].

13. DEVELOPMENT IN SLOPE AREA:

(a) Development or land clearing of 50 per cent or more of an area with slope greater than or equal to 25⁰ but lesser than 35⁰.

(b) Construction of road, tunnel or bridge traversing an area with slope greater than or equal to 35⁰.

14. WASTE TREATMENT AND DISPOSAL:

(a) Scheduled waste:

- (i) Construction of thermal treatment plant.
- (ii) Construction of off-site recovery plant for lead acid battery wastes.
- (iii) Construction of off-site recovery plant or treatment facility that generates significant amount of wastewater which is located at the upstream of public water supply intake.
- (iv) Construction of secure landfill facility.

(b) Solid waste:

- (i) Construction of thermal treatment plant.
- (ii) Construction of sanitary landfill facility.
- (iii) Construction of transfer station.

15. CONSTRUCTION OF DAM:

(a) Construction of dam or impounding reservoir for the purpose of irrigation, flood mitigation, control of siltation, recreational, water supply or any other reason with a surface area of 100 hectares or more.

(b) Dam and hydro-electric power scheme with either or both of the following:

- (i) dam of 15 metres or more in height and ancillary structures covering a total area of 40 hectares or more;
- (ii) reservoir with a surface area of 100 hectares or more.

16. TRANSPORTATION:

(a) Construction of new routes or branch line for a mass rapid transport project.

(b) Construction of new railway route or railway branch lines.

17. RADIOACTIVE MATERIALS AND RADIOACTIVE WASTE:

Any activity specified in this Schedule and the First Schedule using radioactive materials and generating radioactive wastes.

Made 5 August 2015

[as(s)91/110/919/014 S.K 02 Jld 2; PN(PU2)280/XVI]

DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Minister of Natural Resources and Environment

